

KOMUNIKASI BERKESAN MENJAMIN KEHARMONIAN RUMAHTANGGA

Muhammad Firdaus Razali

Fakulti Syariah dan Undang-undang

Universiti Sains Islam Malaysia

rfirdaus370@gmail.com

Tarikh diterbitkan: 28 Januari 2021

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, bilangan penceraian rakyat Malaysia meningkat sebanyak 12.0 peratus pada tahun 2019 berbanding pada tahun sebelumnya. Manakala kadar perkahwinan menurun 1.2 peratus pada tahun 2019. Berikutan angka yang membimbangkan, sewajarnya satu solusi dicari bagi membendung masalah ini. Menurut suatu kajian yang dijalankan oleh Dr Fadillah Ismail, pensyarah di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, mendapati bahawa tiga faktor utama yang memberi impak terbesar dalam menentukan keharmonian dan keruntuhan rumah tangga adalah faktor kewangan, faktor komunikasi dan pengurusan konflik.

Tidak memahami pasangan merupakan salah satu faktor komunikasi yang menentukan kesejahteraan sesuatu hubungan perkahwinan. *John Gray* menyatakan dalam buku psikologinya yang berjudul *Men Are From Mars, Women Are From Venus* menyatakan bahawa cara lelaki dan wanita menghadapi tekanan merupakan perbezaan yang terbesar yang mungkin boleh membawa kepada konflik dan kedinginan rumah tangga.

Menurutnya, “lelaki menghadapi tekanan dengan menyelesaikan masalah, manakala wanita menghadapi tekanan dengan menceritakan tentang masalah yang mereka alami. Kegagalan memahami perbezaan ini menyebabkan berlakunya konflik dalam perhubungan.” Oleh itu, setiap pasangan perlu menghormati dan memahami perbezaan antara mereka dan membuka ruang perbincangan agar suatu solusi dapat ditemui.

Dari segi komunikasi juga, setiap individu wajar mengetahui bahasa cinta pasangan masing-masing. Mengikut Dr Gary Chapman, setiap individu mempunyai lima bahasa cinta.

Lima bahasa cinta yang dimaksudkan termasuk kata-kata pujian, meluangkan masa yang berkualiti bersama pasangan, memberi hadiah, menolong pasangan, dan sentuhan fizikal yang berupa kasih sayang. Kesemua bahasa cinta di atas pasti menimbulkan perasaan gembira dan teruja dalam diri pasangan. Namun, akan ada satu bahasa cinta yang memberi kesan lebih mendalam kepada pasangan masing-masing berbanding yang lain. Memahami dan menerima bahasa cinta pasangan masing-masing merupakan proses yang wajib dilalui oleh setiap pasangan.

Dato' Dr. Haji Mohd Fadzilah Kamsah, seorang pakar motivasi yang tidak asing lagi di bumi Malaysia, berkongsi tentang pengalamannya di awal perkahwinan dalam suatu wawancara ilmu, *Mingguan Wanita*, yang bersiaran pada 23 Januari 2020. Beliau menyatakan bahawa isterinya banyak mengajarkannya untuk memahami bahasa cinta yang disukai olehnya. Dalam wawancara itu juga, beliau turut berkongsi teknik-teknik untuk menegur pasangan secara berhemah. Situasi ini menggambarkan betapa pentingnya komunikasi yang menjadi teras kepada keharmonian dan kesejahteraan sesuatu bahtera perkahwinan.

Selain itu, perbincangan yang matang dan tenang juga menjadi agen penyembuh dalam konflik rumahtangga.

Melalui satu wawancara ilmiah yang tidak asing lagi, *Mingguan Wanita*, yang bersiaran pada 27 Ogos lalu, Dr Robiah K Hamzah seorang pakar motivasi rumahtangga menyatakan bahawa pasangan yang tidak cukup jujur dalam perbincangan akan menyebabkan timbul persepsi tidak jujur dan penilaian yang salah yang akhirnya akan mematikan komunikasi. Beliau juga menyarankan agar pasangan suami isteri sentiasa mewujudkan ruang komunikasi dalam kehidupan seharian dan tidak hanya menunggu konflik timbul untuk memulakan komunikasi. Tambahnya lagi, berdasarkan pengalamannya sebagai seorang kaunselor, setiap pasangan perlu belajar untuk menjadi pendengar yang baik memperbaiki diri mereka, dan menerima pasangan masing-masing seadanya bagi menjamin keharmonian rumahtangga.

Catriona Ross, seorang pelakon tempatan yang juga merupakan tetamu jemputan pada wawancara itu juga menyarankan agar konflik yang berlaku tidak seharusnya dipendam sebaliknya khidmat kaunselor wajar dipertimbangkan sekiranya masalah berterusan. Tuntasnya, komunikasi yang berkesan mampu menjadi teras kepada perkahwinan yang harmoni.